

Melabur ASB2 Guna KWSP

Utusan Malaysia 13 Julai 2015

Mulai 1 Julai lalu, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh memilih untuk melabur dalam Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP.

Pengumuman ini dilihat sebagai satu langkah bijak kerana ia memberi lebih pilihan kepada pencarum KWSP untuk membuat pelaburan dalam unit amanah yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan KWSP.

Sehingga 1 April lalu, sebanyak 216 dana amanah berada dalam senarai Institusi Pengurusan Daba (IPD) di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP.

Namun begitu, daripada jumlah itu, hanya empat dana amanah yang merupakan dana berharga tetap. ASB 2 merupakan dana harga tetap ke-4 yang ditawarkan selepas ASW 2020, ASD dan AS1M.

Semua dana harga tetap berkenaan ditawarkan dan diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Dana amanah harga tetap mempunyai ciri-ciri yang sama seperti simpanan, yang mana modal pelaburan dilindungi kerana ia diniagakan pada harga tetap RM1 seunit.

Oleh kerana cirinya yang berharga tetap, pelaburan dalam ASB2 sememangnya sesuai untuk tujuan persaraan kerana pelabur akan berasa lebih tenang memandangkan harga seunitnya tidak berubah.

Pelabur tidak perlu bimbang kehilangan modal sekiranya harga seunit turun, dan ini mungkin berlaku pada bila-bila masa sekiranya berlakunya ketidakstabilan ekonomi.

ASB2 mengumumkan agihan pendapatan sulung sebanyak 7.50 peratus seunit dan bonus khas 0.25 peratus seunit pada April lalu, lebih tinggi berbanding 6.75 peratus dividen yang diumumkan KWSP untuk 2014.

Pencarum seharusnya mengambil peluang daripada kemungkinan ASB 2 terus memberi pulangan tahunan lebih tinggi berbanding KWSP untuk membina tabungan lebih kukuh pada masa depan.

Satu lagi kelebihan melabur menerusi Skim Pelaburan KWSP dalam unit amanah harga tetap seperti ASB2 ini ialah pelabur tidak dikenakan caj jualan, dan ini membolehkan pencarum melaburkan semua jumlah pelaburan yang layak dalam akaun mereka.

Untuk unit amanah lain, syarikat pengurusan unit amanah mengenakan caj jualan 3 peratus seperti yang ditetapkan oleh KWSP. Caj jualan ini akan ditolak daripada jumlah pelaburan yang dibenarkan berdasarkan kelayakan pelabur.

Katakan, jumlah pelaburan dibenarkan ialah RM8,000, maka caj jualan sebanyak RM240 akan ditolak daripada jumlah berkenaan, menjadikan jumlah pelaburan adalah RM7,760.

Sebaliknya, jika melabur dalam ASB2, atau unit amanah harga tetap lain, pencarum boleh melaburkan keseluruhan RM8,000 berkenaan.

Perbezaan ini walaupun nampak kecil, tetapi dalam jangka panjang akan memberi kesan kepada jumlah keseluruhan tabungan pencarum sekiranya pelaburan dibuat secara konsisten setiap 3 bulan.

Justeru, pelabur sewajarnya mengambil kesempatan daripada tawaran yang dibuka menerusi ASB2 ini kerana jumlah unit yang ditawarkan adalah terhad iaitu 10 bilion unit.

Berdasarkan pengumuman oleh PNB sehingga April lalu, kira-kira 2 bilion unit ASB2 sudah dilanggan. Ini menjadikan jumlah yang masih ada untuk langganan ialah kira-kira 8 bilion unit.

Pelaburan dalam Skim Pelaburan KWSP ini tidak membabitkan tunai, sebaliknya pelaburan dilakukan secara automatik daripada akaun KWSP kepada unit amanah pilihan pencarum.

Pencarum boleh memilih untuk melabur menerusi skim ini setiap 3 bulan sekali, dengan mengeluarkan simpanan dalam Akaun 1 yang mana jumlah pelaburan adalah bergantung kepada umur dan Simpanan Asas pencarum.

Dengan cara ini, pencarum boleh mempelbagaikan pelaburan mereka dalam mana-mana unit amanah pilihan mereka untuk menjana pulangan yang lebih tinggi bagi pelaburan mereka (dengan mengambil risiko yang lebih sedikit daripada hanya menyimpan dalam akaun KWSP mereka, yang bersifat konservatif).

Tujuan KWSP memperkenalkan Skim ini ialah untuk memberi lebih banyak pilihan kepada ahli untuk melabur dan menentukan jenis pulangan dan tahap risiko yang sesuai untuk mereka.

Ahli boleh melaburkan simpanan tidak melebihi 20% daripada jumlah yang melebihi Simpanan Asas dalam Akaun 1 melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.